# Persekitaran Ekonomi Antarabangsa

## SOROTAN PENTING

- **Pemulihan yang berterusan dalam pertumbuhan global disokong oleh pelaburan yang lebih kukuh dalam ekonomi utama dunia.**
- **Ekonomi Asia mencatat pertumbuhan eksport yang mampan berikutan permintaan global yang terus kukuh.**
- **Prestasi pasaran ekuiti meningkat dalam keadaan tahap ketidaktentuan yang lebih rendah.**

## Pertumbuhan global terus berkembang

Ekonomi global terus berkembang pada suku kedua 2017 dengan pertumbuhan yang semakin lebih sekata merentas ekonomi negara maju dan membangun. Penunjuk seperti indeks pengurus pembelian (PMI) perkilangan dan pengeluaran perindustrian berkembang pada kadar yang lebih cepat, terutamanya dalam ekonomi maju. Berdasarkan pemerhatian yang dibuat, perkilangan di Asia turut berkembang lebih tinggi daripada trend biasa sejak berlakunya krisis kewangan global. Hal ini menunjukkan bahawa pemulihan global menjadi lebih baik.

Pengumuman KDNK suku kedua menunjukkan ekonomi maju terus mencatat prestasi kukuh. Pemacu pertumbuhan adalah lebih seimbang di Amerika Syarikat dan kawasan Euro apabila trend peningkatan pelaburan terus menyokong penggunaan swasta. Sejajar dengan pelaburan yang lebih kukuh, import modal turut meningkat untuk menampung permintaan yang semakin meningkat dan penggunaan kapasiti yang lebih tinggi. Permintaan dalam negeri RR China turut memberikan sokongan kepada permintaan global kerana pelaksanaan dasarnya yang ketat masih belum menampakkan kesan terhadap ekonomi sebenar. Perkembangan utama ini terus meningkatkan perdagangan global. Hasilnya, Asia meraih manfaat daripada pemulihan permintaan global dalam keadaan permintaan dalam negeri yang terus kukuh.

**Ekonomi Global Terus Berkembang pada S2 2017**

Rajah 1: Pertumbuhan KDNK Benar




Sumber: Pihak berkuasa negara

**Pertumbuhan Eksport yang Mampan pada S2 2017**

Rajah 2: Pertumbuhan Eksport Ekonomi Asia Terpilih (dalam dolar AS)




Sumber: Bloomberg

**Turun Naik Pasaran Kewangan Reda**

Rajah 3: Turun Naik (VIX) Chicago Board Options Exchange (CBOE)




Sumber: Bloomberg

## Eksport ekonomi Asia mampan

Perdagangan global terus menunjukkan momentum pertumbuhan yang lebih mantap pada suku kedua. Perdagangan berkembang merentas kategori produk dan destinasi. Keadaan ini menunjukkan tahap kemantapan permintaan luaran yang menyeluruh. Peningkatan pelaburan yang berterusan dalam ekonomi maju dan permintaan yang mampan dari RR China untuk infrastruktur dan pembinaan harta tanah merupakan pendorong meningkatnya perdagangan global.

Antara trend utama eksport pada suku kedua ialah peningkatan pesat dalam perdagangan untuk sektor elektrik dan elektronik (E&E) dan komoditi. Sektor-sektor ini merupakan penyumbang kepada peningkatan eksport ekonomi Asia yang kebanyakannya merupakan pengeluar utama barangan elektronik atau produk berasaskan komoditi. Eksport dari Korea, China Taipei dan Singapura mendapat manfaat daripada penghantaran barangan separa konduktor yang lebih tinggi untuk kegunaan produk elektronik. Di Korea, eksport meningkat 16.8% pada suku kedua 2017 apabila mencatat pertumbuhan dua angka selama enam bulan berturut-turut. Semua ini menunjukkan terdapat permintaan akhir untuk barangan modal dan barangan pengguna daripada kedua-dua negara ekonomi maju dan negara RR China, terutamanya sebelum tempoh pelancaran model telefon pintar utama pada separuh kedua 2017.

Eksport dari Indonesia turut meningkat 7.9% berikutan penghantaran komoditi yang lebih tinggi seperti minyak dan gas, arang batu serta besi dan keluli terutamanya ke RR China.

## Indeks pasaran meningkat di tengah-tengah ketidaktentuan yang berada pada tahap lebih rendah

Kebanyakan indeks ekuiti utama meningkat pada suku kedua 2017 apabila sektor perniagaan dalam ekonomi maju terus mencatat peningkatan dalam

keuntungan korporat. Perkembangan ini penting memandangkan keuntungan yang diperoleh agak merosot sejak 2014. Peningkatan pertumbuhan yang menyeluruh di kebanyakan negara di seluruh dunia juga menyokong pasaran saham global.

Ketidaktentuan dalam pasaran kewangan global berada pada tahap lebih rendah memandangkan perkembangan pada suku tersebut sebahagian besarnya mengikut jangkaan pasaran. Walau bagaimanapun, terdapat lonjakan sementara ketidaktentuan yang berlaku dalam dua episod ekoran perkembangan politik dan geopolitik. Pada bulan April, ketegangan geopolitik meningkat berikutan serangan ke atas Syria oleh tentera Amerika Syarikat dan peningkatan tanda-tanda konflik yang lebih ketara dengan Korea Utara. Pada tempoh penghujung suku ini, perubahan dalam kepimpinan utama oleh pentadbiran Amerika Syarikat telah mencetuskan kebimbangan mengenai masa hadapan dasar pengawalseliaan dan fiskal propertumbuhan Amerika Syarikat.